



14 MAR, 2022

RWEM suntik pelaburan RM910j di Kelantan

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

RWEM suntik pelaburan RM910j di Kelantan

Kuala Lumpur: Pembuat elektronik terkemuka Jepun, ROHM-Wako Electronics (Malaysia) Sdn Bhd (RWEM) mengembangkan fasiliti komponen elektronik di Kelantan dengan nilai pelaburan RM910 juta.

Menurut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida), pelaburan itu dijangka mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi untuk lebih 340 rakyat Malaysia dan ia satu pelaburan terbesar pernah dibuat oleh syarikat berkenaan yang secara uniknya meletakkan Malaysia sebagai hab utama dalam rantaian nilai global semikonduktor dan automotif.

Menteri Kanan serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dalam responsnya terhadap pengumuman RWEM itu kelmarin berkata, keputusan pelaburan itu langkah strategik ROHM-Wako Electronics bagi membina kehadiran jangka panjang di rantau Asean.

“Malah, pengembangan penting ini menandakan keyakinan syarikat terhadap keupayaan bakat tempatan yang merangkumi jurutera dan juruteknik yang berkemahiran tinggi.

“Prestasi pelaburan ROHM-Wako Electronics di Malaysia adalah yang paling menggalakkan, dengan kemudahan pembuatan baharu ini menjana peluang pekerjaan untuk bakat tempatan, ia akan me-

nyumbang kepada peningkatan ekonomi masyarakat serta pembangunan komersial di negeri ini,” katanya.

Projek pengembangan itu juga selaras dengan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) untuk menjadikan Malaysia sebuah hab pelaburan strategik.

Ketua Pegawai Eksekutif Mida, Datuk Arham Abdul Rahman berkata, projek pengembangan syarikat itu dijangka akan mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam rantaian nilai global.

Sementara itu, Presiden RWEM, Hideki Hashimoto berkata, syarikat itu yakin ia membuat keputusan yang tepat untuk terus melabur di Malaysia.

“Pengembangan ini penting bagi pertumbuhan perniagaan dan inovasi yang berterusan dan dengan bantuan tenaga kerja tempatan yang mahir serta boleh dipercayai di fasiliti tersebut, kami yakin bahawa kami membuat keputusan yang tepat untuk terus melabur di negara ini,” kata Hashimoto.

Kenyataan itu menjelaskan fasiliti baharu itu akan dibina dalam premis RWEM dan tindak balas kepada permintaan yang kukuh untuk semikonduktor selain mempromosikan sistem pengeluaran pelbagai tapak Integrasi Berskala Besar (LSI) analog dan transistor selaras dengan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM).



14 MAR, 2022

RWEM suntik pelaburan RM910j di Kelantan

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Pem b u a t elektronik terkemuka Jepun, ROHM-Wako Electronics (Malaysia) Sdn Bhd (RWEM) mengembangkan fasiliti komponen elektronik di Kelantan dengan nilai pelaburan RM910 juta. Menurut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida), pelaburan itu dijangka mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi untuk lebih 340 rakyat Malaysia dan ia satu pelaburan terbesar pernah dibuat oleh syarikat berkenaan yang secara uniknya meletakkan Malaysia sebagai hab utama dalam rantaian nilai global semikonduktor dan automotif.